

EDISI
MAC 2026



Untuk
layari laman
sesawang wadah
imbas kod QR ini.

JOM SCAN



NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAKWAH SEBAGAI PILIHAN HIDUP: IDEALISME, PERJUANGAN DAN ISTIQAMAH MUJAHID

**OLEH: DATO' AHMAD AZAM
AB RAHMAN**

Sesungguhnya amanat ini adalah suatu seruan, panggilan kepada seluruh warga WADAH agar kita kembali menegaskan bahawa perjuangan dakwah ialah sebuah pilihan hidup bukannya persinggahan sementara. Ia merupakan komitmen jiwa, bukan sekadar keahlian organisasi; satu jalan menuju kebahagiaan akhirat yang abadi, bukannya mengejar habuan dunia yang fana. Di tengah kekeliruan nilai zaman ini, kita berdiri sebagai penjaga nurani umat, pendukung idealism Islam sebagai ad-Din dan penerus tradisi mujahid yang tidak pernah tunduk kepada kebatilan.

Saudara-saudari yang dikasihi,

Perjuangan ini bermula dengan idealisme tauhid dan keyakinan bahawa Allah SWT adalah matlamat tertinggi segala amal. Al-Qur'an meletakkan prinsip takwa

sebagai neraca penerimaan sesuatu pengorbanan:

“Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) daripada orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-Mā'idah 5:27)

Ayat ini bukan sekadar kisah dua putera Adam, tetapi prinsip kekal perjuangan. Tidak semua pengorbanan diterima, tidak semua amal dinilai mulia dan tidak semua aktivisme diberi makna ibadah. Taqwa — yakni kesetiaan mutlak kepada Allah dan kebenaran-Nya — adalah neraca sebenar penerimaan di sisi-Nya. Oleh itu, WADAH mesti kekal sebagai gerakan nilai yang menolak relativisme, sentiasa menjauhi politik kepentingan

sempit dan berani mempertahankan kebenaran walaupun ia tidak popular.

Jalan dakwah tidak pernah dijanjikan mudah, namun hidayah Allah akan hadir setelah adanya kesungguhan (mujahadah). Allah SWT berfirman:

“Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh berjuang kerana Kami, nescaya Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami.”

(Surah al-‘Ankabūt 29:69)

Inilah sunnatullah perjuangan. Jalan hanya akan dibukakan selepas kesungguhan dibuktikan. Kita tidak boleh menunggu kesempurnaan suasana untuk berjuang tetapi mesti berjuang untuk mencipta perubahan suasana. Niat perjuangan harus diluruskan. Kita berjihad bukan kerana Allah memerlukan kita, tetapi untuk menyelamatkan diri sendiri daripada kehampaan hidup dan kebinasaan akhirat. Sebagaimana peringatan-Nya:

“Dan barang siapa yang berjihad, maka sesungguhnya jihadnya itu hanyalah untuk dirinya sendiri.”

(Surah al-‘Ankabūt 29:6)

Warga WADAH yang dirahmati Allah,

Tiada perjuangan tanpa pengorbanan masa, tenaga, dan reputasi demi prinsip. Pengorbanan adalah bahasa kebenaran paling jujur, yang membezakan antara pendukung sejati dan penumpang sementara. Inilah harga kesetiaan kepada Allah dan risalah-Nya. Sejarah membuktikan bahawa setiap kebangkitan umat lahir daripada rahim pengorbanan, bukan daripada zon keselesaan. Jika memulakan perjuangan itu sukar, mengekalkannya dengan istiqamah

jauh lebih berat. Rasulullah SAW sendiri mengakui beratnya perintah ini:

“Maka beristiqamahlah kamu sebagaimana yang diperintahkan...”

(Surah Hūd 11:112)

Ramai yang bersemangat di awal jalan, tetapi gugur di pertengahan. Mujahid sejati ialah mereka yang teguh dalam prinsip walau zaman berubah, dan menamatkan perjuangan dengan husnul khatimah.

Allah SWT membuka tirai destinasi perjuangan dengan gambaran yang menenangkan jiwa para mujahid, hujung jalan yang menenangkan dan membahagiakan jiwa mereka:

“Sesungguhnya penduduk syurga pada hari itu berada dalam kesibukan yang menggembirakan.”

(Surah Yaa sīn 36:55)

Inilah kemuncak idealisme—keinginan agar manusia lain turut diselamatkan, sebagaimana dialog seorang mukmin dalam al-Qur’an:

“Masuklah ke dalam syurga.” Dia berkata: “Alangkah baiknya sekiranya kaumku mengetahui...”

(Surah Yaa sīn 36:26–27)

Buat akhirnya, perjuangan ini adalah amanah umat dan kesinambungan sejarah. Jadikan akhirat sebagai ukuran dan berjalanlah dengan yakin walau perlahan, asalkan tidak berpaling. Kerana di hujung jalan ini bukan sekadar kejayaan gerakan, tetapi kebahagiaan hidup akhirat yang abadi. Semoga Allah menerima pengorbanan kita dan menghimpunkan kita bersama para solihin.

DARI MEJA SETIAUSAHA AGUNG

MENDEPANI BADAI DENGAN HIKMAH DAN PERPADUAN



Kita di hadapkan kembali Isu "kuil haram" yang mencetuskan ketegangan pada Februari dan Mac 2026, khususnya insiden di Rawang, bukan sekadar isu teknikal perundangan. Ia adalah manifestasi konflik yang mendalam dan berlarutan antara tuntutan undang-undang dengan realiti sejarah serta keadilan sosial yang menuntut pembelaan.

Dari kacamata perundangan, kedudukan rumah ibadat tanpa kelulusan di atas tanah yang bukan milik adalah satu pelanggaran nyata terhadap Kanun Tanah Negara dan peraturan pihak berkuasa tempatan. Namun, kita tidak boleh menutup mata terhadap akar permasalahan ini yang telah terhujam jauh pada warisan era penjajahan iaitu ketika janji lisan menjadi asas binaan bagi buruh migran tanpa dokumentasi rasmi. Ditambah pula dengan perubahan struktur ekonomi yang menyebabkan komuniti terpaksa membina semula rumah ibadat di lokasi baharu tanpa proses pemilikan tanah yang sempurna. Penyelesaian yang diambil oleh pihak berwajib dengan menggunakan sistem klasifikasi empat warna diikuti penegasan Perdana Menteri serta titah Yang di-Pertuan Agong jelas membawa mesej bahawa tindakan drastik melalui perobohan hanya akan membakar api kemarahan dan merobek tenunan keharmonian masyarakat majmuk kita.

Oleh itu, penyelesaian mapan terhadap isu ini mestilah berpaksikan kerangka kesefahaman bersama yang mengimbangi **tiga prinsip utama** iaitu: **kedaulatan undang-undang** yang menolak tindakan sembrono; **keadilan sejarah** yang mengiktiraf rumah ibadat sebagai warisan komuniti; dan **keharmonian masyarakat** sebagai matlamat tertinggi yang tidak boleh dikorbankan.

Kita memandang serius polemik ini bukan sekadar sebagai isu teknikal pencerobohan tanah, tetapi sebagai satu amanah moral untuk membetulkan ralat sejarah yang sekian lama terabai. Langkah konkrit seperti pemutihan status tanah, pewartaan tapak warisan dan penyeragaman SOP di peringkat PBT wajar di pertimbangkan kaedahnya tanpa membelakangkan kedaulatan undang-undang negara. Kita tidak 'memberi muka'

kepada pelanggaran hukum, namun yang sedang kita laksanakan adalah prinsip **Islah**—memperbaiki keadaan yang rosak dengan hikmah. Tindakan ini adalah terjemahan sifat Rahmatan lil 'Alamin; kerana Islam tidak pernah terbina di atas kezaliman terhadap hak orang lain. Penyelesaian ini adalah bukti komitmen kita dalam membina sebuah Malaysia yang adil, di mana kedaulatan undang-undang berjalan seiring dengan nurani kemanusiaan.

Isu Konflik Israel-Iran dan Persediaan Malaysia

Dunia hari ini tidak lagi aman. Konflik Israel-Iran yang meletus pada 28 Februari 2026 susulan serangan ke atas Tehran telah menghantar gelombang kejutan yang dirasai hingga ke tanah air kita, baik dari segi keselamatan mahupun ekonomi. Kerajaan telah mengambil langkah tuntas dengan mengaktifkan tahap kewaspadaan tertinggi serta memastikan keselamatan 163 rakyat kita di zon konflik.

Secara ekonomi, kita terpaksa berdepan dengan realiti pahit apabila Kerajaan mengambil langkah menyelaraskan subsidi BUDI95 berkuat kuasa 1 April 2026, mengehendkan pembelian bahan api, serta memperketatkan penguatkuasaan terhadap penyeludupan subsidi. Di pentas dunia, Malaysia tetap gagah bersuara, berunding dengan pemimpin dunia Islam untuk meredakan ketegangan. Namun, apa yang paling menggetarkan jiwa adalah apabila blok kerajaan dan pembangkang di Parlimen mengetepikan ego politik demi satu suara mengutuk kezaliman—menjadikan Malaysia antara yang terawal di dunia menyatakan solidariti.

Bagaimana pun, kita harus kekal waspada agar api solidariti terhadap kemelut antarabangsa ini tidak disalah guna oleh pihak tertentu yang ingin mengeksploitasi isu ini demi memecahbelahkan keharmonian yang telah kita bina sekian lama. Lima prinsip yang ditegaskan Perdana Menteri perlu dipegang bersama: Solidariti tidak bermaksud perpecahan dalam negeri, Kedaulatan undang-undang tetap terpelihara, Dialog lebih utama daripada konfrontasi, Kepentingan nasional melebihi segalanya dan Hormat

serta bertolak ansur dalam menghadapi kesan ekonomi. Dengan pendekatan ini, Malaysia mampu melalui ujian ini dengan kekuatan perpaduan yang utuh.

Seruan buat Ahli WADAH dan Rakyat Malaysia : Dalam suasana yang penuh ujian ini, saya menyeru kepada seluruh ahli WADAH untuk memikul **tiga tanggungjawab utama: Kejujuran ilmiah** dalam menyampaikan fakta tepat, **kesederhanaan** dalam bersuara tanpa mencetus kebencian dan **menjadi faktor** yang menyatukan masyarakat. Jangan sesekali membiarkan diri kita terprovokasi dalam naratif kebencian yang memecahbelahkan. Ingatlah pesan Ilahi dalam **Surah Al-Maidah ayat 8** : **“Jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada melakukan ketidakadilan.”**

Kepada seluruh rakyat Malaysia, saat ini adalah waktu untuk kita merapatkan barisan. Hadapilah tekanan ekonomi dengan sabar dan penuh tanggungjawab. Dalam masyarakat majmuk ini, setiap daripada kita punya peranan—masyarakat Islam harus bersolidariti tanpa mencetus kegusaran, manakala masyarakat bukan Islam perlu memahami bahawa perjuangan untuk keadilan adalah prinsip kemanusiaan yang bersifat sejagat.

Jaga lidah dan tinta kita di media sosial, perkukuhkan perpaduan dan yakini bahawa setiap badai yang melanda adalah peluang untuk kita membuktikan bahawa Malaysia bukan sekadar sebuah negara, tetapi sebuah rumah yang aman, adil, dan harmoni untuk semua.

Doa dan usaha kita bersama adalah benteng terakhir yang akan memastikan negara ini tetap teguh berdiri di atas landasan kebenaran. Semoga Allah SWT memberkati setiap langkah perjuangan kita dalam memartabatkan keadilan dan kedamaian di bumi bertuah ini.

PTN PERMATANG PAUH SANTUNI KOMUNITI KG. PETANI MELALUI PROGRAM KASIH UMAT SIRI 21

PERMATANG PASIR, 21 FEBRUARI 2026 — Program Kasih Umat (PKU) Siri 21 telah berjaya dilaksanakan di Surau Al-Ihsaniah, Kg. Petani, dalam DUN Permatang Pasir sebagai sebahagian usaha berterusan menyantuni masyarakat setempat.

Program dimulakan dengan sesi perkongsian komuniti anjuran Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh, diikuti tazkirah ringkas yang memberi pengisian rohani kepada para peserta. Kemuncak program menyaksikan penyampaian sebanyak 30 Pek Ceria Dapur (PCD) kepada penerima yang memerlukan.



PTN PERMATANG PAUH SANTUNI KOMUNITI TAMAN SERI AKASIA MELALUI PROGRAM KASIH UMAT SIRI 22

PERMATANG PAUH, 28 FEBRUARI 2026 — Program Kasih Umat (PKU) Siri 22 telah dilaksanakan di Simpang Tiga Kubang Ulu / Taman Seri Akasia, menandakan siri terakhir bagi fasa kedua pelaksanaan program di lokasi Parlimen Permatang Pauh.

Program ini telah menyantuni seramai 30 orang asnaf daripada pelbagai latar, sebagai usaha berterusan dalam membantu golongan yang memerlukan serta memperkukuh jaringan kebajikan dalam komuniti.



PTN BATU PAHAT SANTUNI KOMUNITI MUKIM MINYAK BEKU MELALUI KEMPEN SUMBANGAN SEKAMPIT BERAS (KSSB)

BATU PAHAT, 28 FEBRUARI 2026 — Pusat Tunas Nahdah (PTN) Batu Pahat telah melaksanakan Program Ziarah Kasih Ramadhan sempena Kempen Sumbangan Sekampit Beras (KSSB) di sekitar Mukim Minyak Beku.

Program ini telah menyantuni komuniti di 15 buah kampung, melibatkan seramai 75 penerima dengan setiap kampung diwakili oleh lima penerima yang dikenal pasti. Inisiatif ini bertujuan membantu meringankan beban golongan memerlukan di samping menyemai nilai kepedulian dalam masyarakat.



PTN NIBONG TEBAL SANTUNI KOMUNITI PERMATANG TOK MAHAT MELALUI EDARAN BUBUR LAMBUK

NIBONG TEBAL, 1 MAC 2026 — Program Edar Bubur Lambuk telah dilaksanakan di Masjid Permatang Tok Mahat hasil anjuran Pusat Tunas Nahdah Nibong Tebal dengan kerjasama pihak masjid serta MPKK setempat.

Sebanyak 400 bungkus bubur lambuk telah diedarkan kepada penduduk sekitar Permatang Tok Mahat dan Taman Harapan, bermula sejurus selepas solat Asar. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti setempat termasuk para jemaah yang hadir menunaikan solat di masjid.



PROGRAM IMARAH MADANI RAMADAN BERSAMA PELAJAR SRI DAR AL HUFFAZ

SANDAKAN, 1 MAC 2026 — WADAH Sabah bersama ABIM Sabah telah melaksanakan Program Imarah Madani Ramadan bersama anak-anak pelajar di Sri Dar Al Huffaz, Sandakan, sebagai usaha menyemarakkan penghayatan Ramadan dalam kalangan generasi muda. Program ini bertujuan memupuk nilai keagamaan, memperkukuh sahsiah serta menyemai semangat kebersamaan melalui pendekatan santai dan berilmiah.

Sepanjang program, para pelajar terlibat dalam pelbagai pengisian yang menekankan aspek ibadah, adab dan pembinaan akhlak, selari dengan semangat Ramadan sebagai bulan tarbiyah. Aktiviti yang dijalankan bukan sahaja memberi pendedahan ilmu, malah membina suasana interaktif yang menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam memahami nilai-nilai Islam secara lebih mendalam.



PROGRAM IMARAH MADANI RAMADAN SANTUNI KOMUNITI TAWAU

TAWAU, 2 MAC 2026 — WADAH Sabah telah melaksanakan Program Imarah Madani Ramadan bersama komuniti di Surau Yusufiyah, Kg. Lokman, Balung, Tawau, bagi menyemarakkan penghayatan Ramadan serta memperkukuh ukhuwah dalam masyarakat.

Program ini diisi dengan pengisian berkaitan ibadah, akhlak dan penghayatan Ramadan dalam suasana santai dan mesra komuniti, sekali gus menggalakkan penglibatan aktif penduduk setempat.





PROGRAM SEKAMPIT BERAS PUSAT INFAQ WADAH DI KAMPUNG ORANG ASLI BAGAN LALANG

BAGAN LALANG, 7 MAC 2026 — Pusat Infaq WADAH telah melaksanakan Program Sekampit Beras di Kampung Orang Asli Bagan Lalang sebagai usaha menyantuni masyarakat setempat serta membantu meringankan beban keperluan asas sepanjang bulan Ramadan.

Melalui program ini, sumbangan beras telah diagihkan kepada keluarga dalam komuniti Orang Asli, dengan harapan dapat membantu mereka menghadapi keperluan harian di samping memberi sokongan moral bahawa mereka sentiasa diberi perhatian. Program ini juga mencerminkan komitmen berterusan WADAH dalam memperkukuh peranan kebajikan sosial kepada golongan yang memerlukan.

IFTAR JAMAI'E MADANI 1447H BERSAMA UIAM

GOMBAK, 9 MAC 2026 — Program The ODRSDCE Grand Iftar Jamaie Madani 1447H telah berlangsung dengan jayanya dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Majlis ini diserikan dengan kehadiran Rektor UIAM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, bersama barisan pengurusan universiti dan para pelajar.



Seterusnya, Rektor bersama Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti), para pengarah dan ketua jabatan telah menyempurnakan agihan duit raya kepada para pelajar UIAM, sebagai tanda keprihatinan dan sokongan kepada kebajikan mahasiswa.



Program dimulakan dengan Tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, yang menekankan kepentingan menghidupkan Ramadan dengan ibadah, keinsafan dan nilai kebajikan. Majlis turut disusuli dengan penyampaian hadiah bagi pertandingan Video Recap 2025 sebagai penghargaan kepada kreativiti dan penglibatan pelajar.



PROGRAM RAKAN MASJID X RAKAN MUDA RAMADAN & IFTAR JAMAIE DI KEDAH

ALOR SETAR, 9 MAC 2026 — Program Rakan Masjid X Rakan Muda Ramadan Negeri Kedah telah dilaksanakan bersama Iftar Jamaie WADAH, ABIM dan PKPIM Negeri Kedah bertempat di Masjid Al-Arifin, Kompleks Pendidikan Al-Hikmah, Alor Setar. Program ini menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat, khususnya belia, dalam usaha menghidupkan Ramadan dengan aktiviti keagamaan dan kebersamaan.



➤ Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dr. Mohammed Taufiq bin Johari, Menteri Belia dan Sukan, yang menekankan kepentingan peranan belia dalam memakmurkan institusi masjid serta menghidupkan nilai keagamaan dalam kehidupan seharian. Program ini turut menjadi platform memperkukuh kerjasama antara organisasi serta menggalakkan penglibatan aktif generasi muda dalam aktiviti berteraskan nilai Islam.

PROJEK BUBUR LAMBUK WADAH 2026: MENYEMAI UKHUWAH DAN KEPEDULIAN RAMADAN



SUNGAI MERAB, 10 MAC 2026 — WADAH dengan kerjasama Pusat Infaq WADAH telah melaksanakan Projek Bubur Lambuk 2026 dengan mengedarkan 700 bekas bubur lambuk kepada komuniti, institusi dan agensi sekitar. Program ini bukan sahaja menyediakan juadah berbuka puasa, malah menjadi platform menguatkan ukhuwah, semangat gotong-royong dan nilai kepedulian sosial.



➤ Program ini melibatkan AJKP, ahli WAP, staf dan intern SWP serta sukarelawan WADAH yang bersama-sama mengurus penyediaan, pembungkusan dan pengagihan bubur lambuk ke pelbagai lokasi seperti masjid, sekolah, agensi kerajaan dan pusat kebajikan. Semangat kerjasama yang ditunjukkan mencerminkan nilai Ramadan dalam berkongsi rezeki dan menyantuni masyarakat.

➤ Projek ini melibatkan pelbagai lapisan komuniti serta memperkukuh jaringan antara WADAH, Pusat Infaq WADAH, institusi dan agensi terlibat. Selain memberi manfaat kepada penerima, program ini turut membina nilai kepemimpinan, empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan sukarelawan.



KUNJUNG HORMAT WADAH KE JAWI PERKUKUH KERJASAMA PROGRAM

KUALA LUMPUR, 11 MAC 2026 — WADAH telah mengadakan satu kunjung hormat ke Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi memperkukuh hubungan strategik serta meneroka peluang kerjasama program.



➤ Kunjungan ini dihadiri oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad, serta Pengerusi SALWA, Nordiran Idris, bersama pimpinan WADAH Wilayah Persekutuan. Perbincangan tertumpu kepada keterlibatan WADAH dalam pelaksanaan program bersama JAWI, khususnya di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, meliputi aspek dakwah, kebajikan dan pembangunan masyarakat.

LAWATAN KE STESEN TV ISLAM NOMBOR 1 MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 MAC 2026 — Satu lawatan telah diadakan ke stesen TV AlHijrah sebagai kesinambungan daripada sesi kunjung hormat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada suasana dan operasi kerja di stesen televisyen, khususnya dalam konteks penyiaran dan pengurusan media.



➤ Lawatan ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha WADAH untuk membangunkan bidang komunikasi dan media, sejajar dengan keperluan semasa dalam menyampaikan mesej dakwah secara lebih efektif dan berstrategi. Melalui lawatan ini, para peserta berpeluang memahami aspek teknikal dan pengurusan penerbitan kandungan, termasuk proses produksi, penyiaran serta peranan media dalam membentuk persepsi masyarakat.



PRESIDEN WADAH HADIRI MAJLIS IFTAR RASMI DI KEDUTAAN QATAR



PUTRAJAYA, 11 MAC 2026
— Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman telah memenuhi jemputan khas ke majlis iftar rasmi anjuran Kedutaan Negara Qatar (Embassy of the State of Qatar) sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Kehadiran ini mencerminkan penghargaan terhadap peranan WADAH dalam medan dakwah dan pembangunan masyarakat, di samping mempererat hubungan antara organisasi masyarakat sivil dan perwakilan antarabangsa. Majlis tersebut turut menghimpunkan

pelbagai tokoh, diplomat dan wakil institusi dalam suasana harmoni yang meraikan nilai ukhuwah serta diplomasi.

Penyertaan ini turut membuka ruang interaksi yang lebih luas ke arah pembinaan jaringan strategik serta pertukaran pandangan antara pelbagai pihak. Inisiatif sebegini dilihat signifikan dalam memperkukuh peranan WADAH di peringkat antarabangsa, selari dengan aspirasi untuk terus menyumbang kepada pembangunan ummah secara lebih menyeluruh.



INFAQ BERBUKA PUASA SANTUNI ANAK-ANAK TAHFIZ DI SEMPORNA

SEMPORNA, 11 MAC 2026 — WADAH Sabah dengan kerjasama Pusat Infaq WADAH telah melaksanakan program Infaq Berbuka Puasa bersama anak-anak tahfiz di Madrasah Al-Istiqomah. Program ini bertujuan menyantuni para pelajar serta menyemarakkan amalan berkongsi rezeki sepanjang bulan Ramadan.

Melalui program ini, para pelajar diraikan dengan juadah berbuka puasa dalam suasana penuh kebersamaan dan kesyukuran. Inisiatif ini bukan sahaja memenuhi keperluan harian, malah menjadi medium memperkukuh ukhuwah serta menyemai nilai kepedulian dalam kalangan masyarakat.



IFTAR BRIGED BAKTI MALAYSIA ERATKAN UKHUWAH DI ANJUNG RAHMAT



SUNGAI MERAB, 12 MAC 2026 — Program Iftar Briged Bakti Malaysia telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Anjung Rahmat, Sungai Merab, menghimpunkan para sukarelawan dan peserta dalam suasana Ramadan yang penuh keberkatan. Program ini menjadi medan untuk memperkukuh ukhuwah serta menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan anggota Briged Bakti Malaysia. Melalui pertemuan ini, para peserta berpeluang berinteraksi, bertukar pandangan serta mengeratkan hubungan sesama sukarelawan yang aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

WADAH SANTUNI MASYARAKAT ORANG ASLI MELALUI AGIHAN PEK CERIA RAYA

SUNGAI GABAI, 14 MAC 2026 — WADAH dengan kerjasama Yayasan Taqwa telah melaksanakan Program Agihan Pek Ceria Raya (PCR) di Kampung Orang Asli Sungai Gabai sebagai sebahagian daripada usaha berterusan menyantuni komuniti setempat serta memperkukuh jalinan silaturahim melalui pendekatan dakwah yang bersifat inklusif dan menyeluruh.





➤ Program ini turut melibatkan penyertaan pelajar latihan industri yang berperanan dalam mengendalikan pelbagai slot pengisian bersama anak-anak masyarakat Orang Asli. Antara pengisian yang diketengahkan termasuk pembinaan adab, penerapan nilai-nilai murni serta pengenalan kepada asas ibadah dan amalan sepanjang bulan Ramadan. Pendekatan interaktif dan santai yang digunakan bukan sahaja menarik minat peserta, malah membantu menyampaikan mesej secara lebih berkesan dan dekat dengan realiti kehidupan mereka.



➤ Pada sebelah petang, sukarelawan turut melaksanakan agihan Pek Ceria Raya (PCR) dan juadah berbuka puasa kepada keluarga-keluarga yang dikenal pasti. Sumbangan ini bukan sahaja membantu dari sudut keperluan asas, malah menjadi simbol keprihatinan dan sokongan moral dalam menyemarakkan suasana Ramadan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Program diakhiri dengan majlis berbuka puasa bersama komuniti kampung, yang menjadi medan penting dalam memperkukuh ukhuwah serta membina kepercayaan antara organisasi dan masyarakat. Secara keseluruhannya, program ini bukan sekadar inisiatif kebajikan, tetapi merupakan manifestasi komitmen WADAH dalam mengangkat nilai kemanusiaan, kepedulian sosial dan dakwah berteraskan penyantunan masyarakat secara berterusan.

➤ Di samping itu, pelaksanaan aktiviti berbentuk modul pendidikan dan interaksi komuniti berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni serta memperkukuh hubungan antara sukarelawan dan masyarakat setempat. Pendekatan penyantunan ini mencerminkan kepentingan dakwah bil hal yang menekankan kehadiran, kebersamaan dan keprihatinan sebagai asas dalam mendekati komuniti.



MESYUARAT AJKP WADAH BAGI BULAN MAC

• **SUNGAI MERAB, 14 MAC 2026** — WADAH telah mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat (AJKP) bertempat di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat. Mesyuarat ini diadakan sebagai platform untuk membincangkan hala tuju gerak kerja organisasi serta memperkukuh perancangan program semasa dan akan datang. Perbincangan dalam mesyuarat tertumpu kepada penyelarasan aktiviti, pengukuhan peranan kepimpinan serta usaha memperkasakan program dakwah, kebajikan dan pembangunan masyarakat selaras dengan visi dan misi WADAH.

RIANG RIA SYAWAL SANTUNI ANAK-ANAK SYURGA BANDAR TUN RAZAK



➤ Program ini turut mendapat tajaan daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad, yang diwakili oleh Tn. Hj. Zaharuddin Alias, Ketua Jabatan Kewangan Sosial, bersama pegawainya En. Fikri. Kehadiran mereka mencerminkan sokongan padu sektor korporat terhadap usaha kebajikan yang digerakkan oleh WADAH. Turut hadir ialah Dr. Saiful Kassim, Dr. Yohan Fidzriah & keluarga, wakil WADAH Wilayah Persekutuan, SALWA Wilayah Persekutuan, ABIM Wilayah Persekutuan, PPIWP, barisan ketua enam sub-zon serta wakil MPP Bandar Tun Razak.

• **KUALA LUMPUR, 14 MAC 2026** — WADAH Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Rise 4U serta NGO lain telah menganjurkan program Riang Ria Syawal, menghimpunkan kira-kira 150 anak-anak syurga Bandar Tun Razak bersama pengiring dan tetamu jemputan dalam suasana penuh keceriaan dan kasih sayang menjelang waktu berbuka.

➤ Menjelang waktu berbuka, majlis dimulakan dengan zikir dan selawat yang dipimpin oleh adik Amirul Adli bin Akashah, pelajar Tingkatan 1 SMK Desa Petaling, diikuti doa berbuka.

Penghargaan turut dirakamkan kepada pasukan Rumah Tamu Datin Khalijah atas layanan yang diberikan. Program ini turut disokong oleh pelbagai pihak termasuk rakan NGO, Team Srikandi serta individu persendirian yang menyumbang tenaga dan sokongan.





AGIHAN PEK CERIA RAYA (PCR) UNTUK MUALAF DI IOA CENTRE

KUALA LUMPUR, 15 MAC 2026 — WADAH dengan kerjasama Yayasan Taqwa telah melaksanakan Agihan Pek Ceria Raya (PCR) kepada peserta mualaf di Islamic Outreach ABIM (IOA) Centre, Masjid Negara. Sebanyak 55 pek sumbangan telah diagihkan sebagai usaha membantu persiapan Aidilfitri serta menyemai nilai kepedulian dan ukhuwah dalam komuniti.

➤ Setiap pek mengandungi barangan keperluan asas dan bahan persediaan Hari Raya seperti beras, minyak masak, gula, nasi impit, kuah kacang, santan, pes rendang, tepung gandum dan aneka kuih raya, bagi membantu penerima menyediakan hidangan sederhana bersama keluarga. Bagi komuniti mualaf, sumbangan ini turut menjadi simbol sokongan moral dan penerimaan dalam masyarakat.



➤ Program ini dihadiri oleh Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin bin Ahmad, yang menekankan kepentingan bersyukur, beribadah dan memperbanyakkan amalan kebajikan sepanjang Ramadan. Para sukarelawan bersama Yayasan Taqwa turut berganding bahu dalam memastikan pengagihan berjalan lancar dalam suasana mesra dan penuh keprihatinan.

➤ Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja memberi manfaat material, malah memperkukuh nilai ukhuwah, empati dan solidariti sosial, sekali gus mencerminkan komitmen WADAH dalam menyantuni komuniti mualaf secara berterusan. Semoga usaha ini menjadi amal jariah dan memberi impak berpanjangan kepada masyarakat.



AGIHAN PEK CERIA RAYA (PCR) SANTUNI KOMUNITI OKU DI PPR LEMBAH SUBANG 2

PETALING JAYA, 15 MAC 2026 — Dalam semangat Ramadan, program Agihan Pek Ceria Raya (PCR) telah dilaksanakan di PPR Lembah Subang 2, melibatkan pengagihan sebanyak 60 pek sumbangan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Inisiatif ini bertujuan meringankan beban penerima dalam membuat persiapan Aidilfitri di samping menyemai nilai kepedulian dan kebersamaan dalam masyarakat.



Setiap pek sumbangan mengandungi barangan keperluan asas serta bahan persediaan Hari Raya seperti beras, minyak masak, gula, nasi impit, kuah kacang, santan, pes rendang, tepung gandum dan aneka kuih raya bagi membantu penerima menyediakan hidangan asas untuk menyambut Syawal bersama keluarga dalam suasana yang lebih bermakna.



Program ini turut dihadiri oleh Penolong Setiausaha Agung WADAH, Khairul Arifin bin Mohd Munir, yang menzahirkan komitmen pimpinan dalam menyantuni golongan memerlukan. Sepanjang program berlangsung, para sukarelawan berganding bahu menguruskan pengagihan dalam suasana mesra dan penuh keprihatinan, sekali gus memperkukuh hubungan antara organisasi dan komuniti setempat.



Dalam ucapan ringkasnya, beliau menekankan kepentingan menghidupkan budaya bersedekah dan saling membantu, khususnya dalam bulan Ramadan. Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja memberi manfaat material, malah memperkukuh nilai ukhuwah, empati dan solidariti sosial, sejajar dengan semangat Ramadan yang menggalakkan perkongsian rezeki dan kebaikan dalam masyarakat.



PRESIDEN WADAH
RASMIKAN
PELUNCURAN
DANA JARIAH
**KOLEJ DAR
AL-HIKMAH
SEWAKTU IFTAR
AMAL**

KAJANG, 16 MAC 2026
— Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman telah menghadiri Majlis Iftar Amal di Kolej Dar Al-Hikmah (KDH) yang menghimpunkan warga kolej dan para pelajar dalam suasana penuh ukhuwah sempena Ramadan.



Majlis tersebut turut menyaksikan peluncuran Dana Jariah KDH yang telah dirasmikan oleh Presiden WADAH, sebagai satu inisiatif penting dalam memperkukuh pembangunan institusi serta menyokong kebajikan pelajar secara mampan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan dalam menyuburkan budaya infaq dan tanggungjawab sosial dalam komuniti pendidikan.



Program ini bukan sahaja menjadi ruang terbuka puasa secara berjemaah, malah berperanan sebagai platform untuk mempererat hubungan serta menyemai nilai kebersamaan dalam kalangan warga KDH. Kehadiran Presiden WADAH turut menzahirkan sokongan terhadap usaha memperkasa pendidikan berteraskan nilai Islam.



**MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN
IFTAR PETUGAS WADAH PERKUKUH
UKHUWAH RAMADAN**

SUNGAI MERAB, 17 MAC 2026 — WADAH telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Kuliah Anjung Rahmat, yang menghimpunkan para petugas dalam suasana penuh penghayatan dan kesyukuran sempena Ramadan. Majlis ini turut diserikan dengan ucapan khas oleh Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin bin Ahmad.

Program diteruskan dengan Majlis Iftar Petugas WADAH yang diadakan di Astana Putra, UPM Serdang, sebagai ruang mengeratkan ukhuwah dan menghargai komitmen para petugas.



WADAH STRONGLY CONDEMNS THE ATTACKS BY ZIONIST ISRAEL AND THE UNITED STATES (US) ON IRAN: A VIOLATION OF SOVEREIGNTY AND INTERNATIONAL LAW

1 MAC 2026

WADAH vehemently condemns the aggressive and barbaric actions of the Zionist Israeli regime and the United States (US) in launching attacks on the territory of the Islamic Republic of Iran. This act constitutes a blatant violation of Iran's national sovereignty and a serious breach of the principles of international law and the United Nations (UN) Charter.

These attacks not only threaten the lives of innocent civilians but also undermine the stability and security of a region that has long been fraught with tension. It clearly demonstrates the insolence and arrogance of the US and the illegal Zionist regime, which consistently disregard international norms, peace agreements, and global resolutions.

WADAH views this provocative action as a form of state terrorism orchestrated by certain major powers that allow such atrocities to persist. The hypocrisy of the international community, particularly the UN Security Council—which remains silent or utilizes veto powers to protect Israel—only emboldens the regime to commit further crimes.

In light of this, WADAH calls upon and urges all parties, including member states of the Organisation of Islamic Cooperation (OIC), the United Nations, and the global peace-loving community to:

- Strongly protest and condemn these Israeli attacks on Iran.
- Urge the UN Security Council to intervene immediately, convene an emergency session, and take decisive action against Israel.



- Demand that Israel face penalties and sanctions proportionate to the crimes committed.
- Stand in united solidarity with the people and government of Iran in defending their national sovereignty.
- Prevent the United States from further acts of violence and war provocations.

WADAH also calls upon all peace-loving citizens not to remain passive observers. It is our collective responsibility to uphold justice and oppose tyranny wherever it exists.

Stop the violence of Israel and the US. Stop the killings. Stop all forms of aggression!

**“UPLIFTING THE DIGNITY OF THE
UMMAH”**

AZIZUDDIN AHMAD

Secretary General
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

WADAH SERU PENDEKATAN BERNEGARA YANG TENANG DAN BERPRINSIP DALAM MENANGANI INSIDEN KEGANASAN TERHADAP CIKGU CHANDRA



10 MAC 2026

WADAH memandang serius insiden pembakaran kenderaan milik Cikgu Chandra yang dilaporkan berlaku pagi ini. Tindakan tersebut bukan sahaja melanggar undang-undang, malah mencerminkan kecenderungan berbahaya ke arah penyelesaian konflik melalui cara yang tidak berperadaban dan bertentangan dengan nilai kenegaraan serta prinsip hidup bermasyarakat dalam negara majmuk seperti Malaysia.

Bagi WADAH, isu ini perlu dilihat dalam kerangka lebih luas sebagai peringatan bahawa kestabilan sosial negara bergantung kepada keupayaan rakyat mengurus perbezaan secara matang, rasional dan berinstitusi. Dalam konteks semasa, dunia sedang berdepan ketidaktentuan geopolitik dan kebangkitan politik identiti yang sering membentuk emosi kolektif secara reaktif. Namun, Malaysia tidak boleh membenarkan tekanan global tersebut diterjemahkan secara emosional ke dalam ruang domestik sehingga menjejaskan keharmonian antara kaum dan agama.

WADAH menekankan bahawa pendekatan penyelesaian perlu berteraskan ketertiban undang-undang, kematangan sivik dan kebertanggungjawaban sosial, bukannya reaksi spontan yang didorong emosi. Justeru, semua pihak wajar menolak budaya "trial by social media", mengelakkan retorik berlebihan, serta memberi ruang kepada proses siasatan profesional berjalan dengan telus dan adil.

Dalam masa yang sama, WADAH melihat pentingnya pengukuhan literasi masyarakat dalam era digital agar rakyat mampu membezakan antara fakta dan persepsi, serta tidak mudah dipengaruhi sentimen yang boleh mencetuskan ketegangan. Pembinaan masyarakat damai menuntut disiplin wacana, keupayaan mendengar secara empatik, serta komitmen terhadap nilai bersama sebagai warganegara.

Seiring prinsip Islam yang menekankan keamanan dan keadilan sosial, WADAH mengingatkan firman Allah SWT:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

"Dan tidaklah sama kebaikan dengan kejahatan. Tolaklah (kejahatan) dengan cara yang lebih baik; maka tiba-tiba orang yang antara engkau dan dia ada permusuhan menjadi seolah-olah teman yang sangat setia."

(Surah Fussilat: 34)

WADAH percaya bahawa kekuatan Malaysia sebagai negara majmuk terletak pada keupayaan rakyatnya mengurus perbezaan secara berhemah, bukan secara konfrontatif. Oleh itu, semua pihak termasuk pemimpin masyarakat, pendidik, pengamal media dan warga digital perlu memainkan peranan membina suasana yang menenangkan, rasional dan bertanggungjawab.

WADAH berharap pihak berkuasa akan menjalankan siasatan secara menyeluruh, profesional dan bebas, serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pihak yang didapati bersalah menurut undang-undang.

"Kestabilan negara bermula dengan kematangan rakyatnya."

"MENGANGKAT MARTABAT UMAT"

AZIZUDDIN AHMAD

Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

Kenyataan
Akhbar

WADAH MENGALU-ALUKAN LANGKAH AWAL KERAJAAN KAWAL EKONOMI NEGARA DI TENGAH KRISIS GLOBAL



12 MAC 2026

WADAH mengalu-alukan dan menyambut baik inisiatif proaktif Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah mengambil langkah-langkah awal dan strategik bagi mengawal keadaan ekonomi negara. Langkah ini amat tepat pada masanya memandangkan dunia sedang berdepan dengan krisis peperangan yang mencetuskan ketidakpastian ekonomi global.

WADAH memandang serius kesan limpahan daripada konflik antarabangsa ini, termasuk gangguan rantaian bekalan, turun naik harga komoditi, serta tekanan inflasi yang boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Justeru, langkah awal Kerajaan menunjukkan kesiapsiagaan tinggi dalam memastikan ekonomi negara terus terpelihara.

Antara usaha yang terus dalam perhatian seperti pemantauan harga barang keperluan. Usaha memperketatkan kawalan harga barang keperluan asas bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Kedua, jaminan bekalan makanan: Inisiatif untuk mempelbagaikan sumber import dan memperkukuh sektor agro-makanan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada negara yang terjejas dengan konflik.

Ketiga, mengambil tindakan tegas sebarang usaha penyeludupan, serta usaha untuk menyorok barangan keperluan rakyat bagi mengaut keuntungan.

WADAH yakin bahawa langkah pencegahan ini bertindak sebagai benteng awal yang kukuh dalam menghadapi kemungkinan kemelesetan ekonomi global.

WADAH menyeru seluruh rakyat Malaysia agar terus bersatu padu dan memberi sokongan padu kepada Kerajaan dalam melaksanakan agenda ekonomi ini. Rakyat harus mengeneipkan isu yang menjejaskan keharmonian dan menumpukan kerjasama dalam mengukuhkan negara.

WADAH berharap agar Kerajaan terus berkomunikasi secara telus dengan semua pihak berkepentingan (stakeholders) bagi memastikan manfaat optimum sampai kepada semua lapisan masyarakat.

“MENGANGKAT MARTABAT UMAT”

AZIZUDDIN AHMAD

Setiausaha Agung

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)



NUZUL QURAN: CAHAYA YANG TIDAK PERNAH PADAM

SELANGOR, 07 Mac 2026 | Sabtu – Siri Kalam Hikmah Ramadan yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mashitah Sulaiman (Pensyarah Kanan USIM) dan dihadiri seramai 62 orang ahli SALWA Malaysia. Kuliah ini telah diadakan pada 18 Ramadan 1447H, 7.45 – 8.30 pagi.

RAMADAN: MEMBINA JIWA RABBANI DAN AKHLAK INSANI

SELANGOR, 14 Mac 2026 | Sabtu – Siri Kalam Hikmah Ramadan yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Ustazah Nordiran Idris (Pengerusi SALWA) dan dihadiri seramai 73 orang ahli SALWA Malaysia. Kuliah ini telah diadakan pada 24 Ramadan 1447H, 7.45 – 8.30 pagi.



PENYERAHAN BAKUL KASIH RAMADAN 1447H (BKR)

PROJEK Bakul Kasih Ramadan dan Dapur Raya SALWA 1447H diteruskan dengan kerjasama Dzul Iman Smart Khalifah. Penyerahan Bakul Kasih Ramadan di sekitar Lembah Klang.

➤ **15 Mac 2026** di Dewan Besar KDH sempena Majlis Iftar Ihsani bersama Warga OKU Pekak Selangor & WP. Seramai 20 keluarga telah menerima sumbangan BKR.

➤ **16 Mac 2026** di Kampung Orang Asli Serendah, Selangor. Seramai 68 buah keluarga telah menerima sumbangan BKR. SALWA turut bekerjasama Global Peace Mission Malaysia. Sumbangan telah disampaikan oleh Pengerusi SALWA dan Ketua Pegawai Operasi GPM, Puan Wan Noor Fadhilah Wan Ibrahim.



➤ **16 Mac 2026** di PPR Perkasa Cochrane, Kula Lumpur. Seramai 50 keluarga telah menerima sumbangan BKR. Sumbangan BKR adalah daripada pihak Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). YADIM juga turut menaja bekalan berbuka puasa kepada 200 orang penerima BKR yang hadir. SALWA Wilayah juga turut mengedarkan bubur lambuk yang disediakan oleh pihak Masjid Sallahuddin Al-Ayubbi, Taman Melati.



PENGHAYATAN RAMADAN

TADARUS AL-QURAN: TADARUS DIJIWAI, AL-QURAN DIHAYATI

SALWA Kelantan dengan Kerjasama SALIMAH Kelantan, Masjid Al-Karamah Baung Besar, Persatuan Srikandi Muslimat Kelantan, Sekolah Rendah Islam Al-Hikmah, Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Islamic Outreach ABIM telah menganjurkan Majlis Tadarus Al-Quran: Tadarus Dijiwai, Al-Quran Dihayati di Masjid Al-Karamah Baung Besar, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan pada 14 Mac 2026. Majlis telah dirasmikan oleh Ustaz Abd Fatah Zakaria (Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, JPN Kelantan).

Kehadiran peserta adalah seramai 170 orang. Peserta yang hadir adalah daripada Masjid Al-Karamah, Masjid Al-Falah Ketereh, Masjid Al-Husna Kota, Masjid Pohon Tanjung Pasir Mas, PSM, IOA Kok Lanas, Agensi WAP Kelantan, Pengajian Al-Quran Lundang, Madrasah Tok Guru Hj Awang Bachok dan Kajang Sebidang Tumpat.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN PERDANA



SALWA Negeri Sabah dengan kerjasama WADAH Sabah, HELWA ABIM Sabah, HEWI PKPIM Sabah, Persatuan Sukarelawan & Kebajikan Wanita SABAH (UKKWA), Akademi Kenegaraan Malaysia, Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri, YADIM Sabah, JAKIM Sabah, Bahagian Wakaf MUIS telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Perdana di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah pada 15 Mac 2026. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Marhamah Rosli, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Majlis Khatam telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Arsiah Hj Bahron (Ketua SALWA Sabah). Pimpinan NGO yang turut hadir adalah Datuk Dr. Suzain Datuk Hj Suhaimi (Pengerusi Syukbah Hal Ehwal Wanita Masjid Bandaraya Kota Kinabalu), Nurhamieza Midin (Ketua Hal Ehwal Wanita ABIM Sabah), Sazwani Abd Manap (Ketua HEWI PKPIM), DSP Hjh Azizah DSP Hj Mohd (Dun Presiden Perkumpulan Perempuan Sabah), Hjh Zaleha DSP Hj Mohd Kassim (Pengerusi PERTIWISA) dan Hjh Faridah Datuk Hj Abu Bakar Titingan (Pengerusi Persatuan Permata Hidayah Sabah).

Majlis Khatam telah dihadiri oleh seramai 470 orang. Pada majlis tersebut turut disampaikan lima puluh Bakul Kasih Ramadan kepada 50 keluarga asnaf.

